ISLAM DAN HUBUNGAN ETNIK

1. **ISLAM**
   - **Menerima dgn positif pluralisme manusia : al-Hujurat :13**

2. **KRISTIAN**
   - **Jesus : "*Love thy neighbor as thyself*"**

3. **BUDDHISME**
   - **Gautama Buddha menekankan belas kasihan sebagai salah satu jalan 8 lapis**

4. **HINDUISME**
   - **"*Loka Samastha Sukino Bhavantu*" Rig Veda**

LANGKAH-LANGKAH YANG DI AMBIL UNTUK MENYATUKAN MASYARAKAT PELBAGAI ETNIK DI MADINAH

- **Pembentukan Ummah**
- **Penyatuan Masyarakat Madinah Melalui Pembangunan Masjid**
- **Usaha Menyatukan Pelbagai Etnik**
- **Perjanjian Dengan Masyarakat Pelbagai Etnik (Piagam Madinah)**

Pembentukan Ummah

- Dalam konteks umat Nabi Muhammad SAW di Madinah, ia tidak sahaja terhad kepada umat Nabi Muhammad sahaja, tetapi juga umat bukan Islam seperti orang-orang Yahudi yang berada di Madinah ketika itu.
- Ummah Nabi Muhammad SAW itu ialah masyarakat yang mematuhi undang-undang Islam sama ada mereka itu seagama ataupun tidak

Penyatuan Masyarakat Madinah Melalui Pembangunan Masjid

- Langkah pertama dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW bagi membentuk Negara Islam Madinah ialah menyapadukan masyarakat Madinah khususnya masyarakat Islam melalui masjid.
- Masjid awal yang dibina dalam sejarah Islam ialah masjid Quba yang dibina semasa hijrah Rasulullah
- Fungsi masjid sangat besar dalam kehidupan umat Islam, iaitu sebagai pusat kebudayaan Islam, pusat kegiatan kemasyarakatan Islam dan sebagai simbul penyatuan mereka

Usaha Menyatukan Pelbagai Etnik

- Masyarakat Islam Madinah terdiri daripada dua kumpulan utama iaitu Muhajirin dan Ansar.
- Orang-orang Muhajirin bukanlah penduduk asal Madinah, mereka berhijrah dari Mekah ke Madinah. Manakala Orang-orang Ansar merupakan penduduk asal Madinah.
- Orang-orang Ansar berasal daripada dua kumpulan iaitu puak Aus dan Khazraj. Rasulullah SAW telah menyatukan golongan tersebut di bawah naungan Islam.

Pembentukan Masyarakat Pelbagai Etnik Melalui Piagam Madinah

- Terdapat beberapa fasal dalam Piagam Madinah yang berkaitan hak dan tanggungjawab rakyat terhadap negara, membuktikan bahawa Negara Islam Madinah yang diasaskan Rasulullah SAW menerima pelbagai etnik
- Fasal berkaitan :

1. T. jawab negara terhadap rakyat
2. T. jawab rakyat terhadap negara
3. Hak-hak asasi rakyat

Ringkasan Piagam Madinah Dlm Kontek Hub etnik

- Bahawa kaum Yahudi daripada bani Auf adalah satu umat bersama orang mukmin, mereka bebas dengan agama mereka dan orang-orang Islam dengan agama mereka, begitu juga dengan orang-orang yang bersekutu dengan mereka, termasuk diri mereka sendiri.
- Bahawa orang Yahudi hendaklah membiayai Negara sama seperti orang Islam.
- Maka hendaklah mereka sama-sama tolong-menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai piagam ini.
- Maka hendaklah mereka saling nasihat menasihati, membuat kebajikan dan bukan membuat dosa.

Samb…

- Sesiapa sahaja tidak boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya.
- Pertolongan hendaklah diberi kepada orang-orang yang kena zalim.
- Bahawa orang Yahudi hendaklah bersepakat dengan orang mukmin selama mana mereka tidak berada dalam keadaan perang.
- Bahawa kota Yathrib adalah terpelihara sepenuhnya; tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak yang menganggotai piagam ini.

- Bahawa apa jua kemungkaran (bunuh) atau pertelingkahan sesama peserta piagam ini, sekiranya dikhuatiri membawa kepada bencana, hendaklah dirujuk kepada hukum Allah dan penyelesaian oleh Muhammad Rasulullah SAW.
- Bahawa tidak boleh diberi perlindungan kepada orang Quraisy (musuh) dan kepada orang-orang yang membantu.
- Bahawa hendaklah ada perjanjian pertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang mencerobohnya. Setiap pihak berkewajipan mengambil bahagian untuk mewujudkan kedamaian.
- Bahawa piagam ini tidak boleh dipakai bagi melindungi orang-orang zalim dan bersalah.

RASIONAL PENGENALAN ISLAM HADHARI DALAM KONTEKS MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA....

Islam sebagai agama persekutuan
Kesinambungan kepada dasar penerapan nilai-nilai
Menjadikan islam sebagai penyelesaian cabaran semasa
RASIONAL ISLAM HADHARI
Merialisasikan islam sebagai agama yang dapat memberi rahmat kepada alam sejagat
Pendekatan islam hadhari sebagai pemacu wawasan 2020

ASAS-ASAS HUBUNGAN ETNIK DALAM KONTEKS ISLAM

1. Berkenal-kenalan (al-Ta'aruf)
2. Faham-memahami (al-Tafahum)
3. Bekerjasama (al-Ta'awun)
4. Persaudaraan (al-Ukhuwwah)
5. Berkasih sayang (al-Mahabbah)
6. Jamin menjamin (al- Tadhamun)

- **Manusia dijadikan paras rupa dan warna kulit yang berlainan supaya mereka berbaik antara satu dengan lain agar mereka dapat hidup bersama dalam keadaan aman dan sejahtera, bukan untuk bermusuh-musuhan.**

- **Bermusuhan antara satu dengan lain tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak.**
- **“Tak kenal maka tak cinta”**

- Masyarakat pelbagai etnik amat perlu mengamalkan asas ini supaya tidak wujud prasangka perkauman yang boleh membawa kepada perasaan tidak puas hati dan permusuhan.

- **Bekerjasama bukan hanya di kalangan sesama agama tetapi melampau batas sempadan agama.**

- Pendekatan Islam Hadhari menganjurkan konsep hidup bersandarkan kepada persaudaraan atas dasar beriman dan bertaqwa.

- Ini disebabkan hubungan berasaskan unsur-unsur tersebut lebih bernilai daripada hubungan yang berdasarkan kebendaan, pertalian darah, kesukuan atau yang lebih bersifat keduniaan.

- **Berkasih sayang merupakan salah satu sifat kemanusiaan yang sewajarnya disemai dan dipupuk dalam sanubari setiap anggota masyarakat.**

- **Sifat kasih sayang mampu mengikat hubungan kemesraan di kalangan masyarakat pelbagai etnik. Apabila hati dengan hati bertaut erat, hilanglah sifat bermusuhan, benci membenci dan dengki mendengki antara satu sama lain.**

- Rukun kehidupan bermasyarakat juga ialah saling bersedia untuk saling melindungi antara satu dengan yang lain.

- Keadaan ini melahirkan rasa tanggungjawab dalam diri setiap anggota masyarakat untuk membantu ahli masyarakat yang lain ketika mereka menghadapi kesusahan atau memerlukan pertolongan.

PRINSIP ISLAM BERKAITAN DENGAN NILAI KEMANUSIAAN

- Al-'Ilm
- Al-Syura
- Al-'Adalah
- Al-Hurriyyah
- Al-Musawah
- Al-Mas'uliyyah

- Kemesraan komunikasi
- Budaya ziarah menziarah
- Mengambil berat
- Hormat- menghormati
- Menghormati jiran
- Bersama dalam membuat keputusan

⌘ KONSEP JIRAN :

Mengikut Kamus Dewan, jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah sendiri yang dikenali sebagai "orang sebelah" atau tetangga.

Ditinjau dari sudut Islam, jiran itu ialah orang yang ada hubungan dengan anda dalam sesuatu kawasan, tinggal berdekatan, iaitu bilangan rumah sebanyak 40 rumah dari penjuru timur, barat, utara dan selatan di sekeliling rumah anda".

⌘ **Mengikut Jabatan Perpaduan Negara, semangat kejiranan boleh dipupuk disebabkan unsur-unsur seperti berikut:**

- **Seseorang itu berasa megah dan sayang kepada kawasan atau tempat tinggal.**
- **Kenal-mengenal, kerap bertemu dan saling tolong-menolong antara jiran tetangga.**
- **Penduduk menganggap mereka sebagai satu masyarakat.**
- **Penduduk bertanggungjawab terhadap keharmonian dan keamanan dalam kawasan sejiran mereka.**
- **Penduduk bermuafakat untuk menjalankan satu-satu tindakan bagi faedah bersama.**

Hubungan sosial dalam kehidupan kini banyak terjalin melalui berikut:

- **Hubungan menerusi tempat kerja**
- **Hubungan menerusi institusi**
- **Hubungan menerusi adat istiadat**
- **Hubungan menerusi aktiviti politik**
- **Hubungan menerusi aktiviti kebajikan**
- **Hubungan menerusi aktiviti sosial**
- **Hubungan menerusi aktiviti rekreasi**

- ⌘ **Fitrah kemanusiaan**
- ⌘ **Tuntutan keagamaan**
- ⌘ **Memenuhi keperluan hidup**
- ⌘ **Elak dari bergantung dengan kuasa luar**

- Kesepakatan tiga etnik terbesar negara ketika Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 membolehkan rakyat menikmati kuasa politik yang sama rata dengan dasar perkongsian kuasa.

- Begitu juga dasar pengagihan kekayaan, pembangunan masyarakat yang adil di sisi undang-undang, amalan demokrasi serta kontrak sosial di antara kepelbagaian kaum menghasilkan keharmonian masyarakat Malaysia.

Samb…

⌘ **Konsep perkongsian kuasa, pengagihan pendapatan negara secara adil, peluang pendidikan yang sama di antara kaum, kebebasan beragama yang dijamin oleh perlembagaan negara, perlindungan terhadap kaum minoriti serta dasar-dasar yang lain, telah dapat menjamin keharmonian rakyat berbilang kaum dan etnik di negara kita.**